

## PESERTA SKIM SUPERFISH MENGHADIRI BENGKEL BSOM *SUPERFISH SCHEME PARTICIPANTS ATTEND BSOM*

Peserta skim superfish baru-baru ini menghadiri bengkel empat hari yang bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran perniagaan yang relevan sebelum mereka memulakan projek ladang cili. Bengkel BSOM atau Menjadi Pengurus Pemilik yang Berjaya dikendalikan oleh Livewire Brunei bermula pada 1hb hingga 4hb Mac 2021. Tujuan BSOM adalah untuk melengkapkan peserta dengan kemahiran dalam menjalankan perniagaan sebenar. Lebih banyak latihan berkaitan kewangan sedang dirancang untuk para peserta pada masa akan datang.

*Superfish scheme participants recently attended a four-day workshop aimed at imparting knowledge and relevant business skills before they embark on the chili farm project. The BSOM or Becoming A Successful Owner Manager workshop was conducted by Livewire Brunei from 1st to 4th March 2021. BSOM aims to equip them with skills in running the actual businesses. More finance-related training is being planned for the participants in the future.*



Para peserta bersama fasilitator bengkel dari Livewire | The participants with the workshop facilitators from Livewire

# PDC MENERUSKAN KERJASAMA DENGAN INDUSTRI

## *THE PDCs CONTINUE INDUSTRY ENGAGEMENT*

Nexus, DST dan Evolve.Me meneruskan kerjasama menerokai industri tempatan untuk memberi peluang pekerjaan kepada rakan sekerja. Perjumpaan terbaru ialah dengan syarikat DARE, Berakas Power Company (BPC), PAR Corporation dan Armada Properties.



Perjumpaan dengan DARE | Engagement with DARE



Mesyuarat dengan PAR Corporation | Meeting with PAR Corporation



Mesyuarat dengan Armada Properties | Meeting with Armada properties

*Nexus, DST and Evolve.Me continue to engage local industry players to explore potential collaboration and job opportunities for our associates. The latest companies engaged by the team are DARE, Berakas Power Company (BPC), PAR Corporation and Armada Properties.*

# NEXUS ADAKAN SAMBUTAN ISRAK MIKRAJ 1442H

## NEXUS CELEBRATE ISRAK & MIKRAJ 1442H

Sempena sambutan ulang tahun Nex.us yang pertama, pihak pengurusan, kakitangan dan rakan sekerja mengadakan Majlis Sambutan Israk & Mikraj 1442H bertempat di Masjid Perpindahan Lambak Kanan. Majlis diserikan dengan ceramah yang disampaikan oleh penceramah jemputan, Ustaz Muhammad Naqib bin Haji Awang, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pusat Dakwah Islamiah. Acara diselajurkan dengan sembahyang berjemaah, bacaan tahlil, solat hajat dan penyampaian wakaf kepada masjid.

*In conjunction with Nex.us first anniversary, the management organised Israk & Mikraj 1442H celebration at the Perpindahan Lambak Kanan Mosque. The ceremony was highlighted by a talk presented by the invited speaker, Ustaz Muhammad Naqib bin Haji Awang, Mosque Affairs Officer, Islamic Dakwah Centre. The programme included congregational prayers, tahlil, hajat prayers and waqaf presentation to the mosque.*





## SATU LAGI KUMPULAN MENGHADIRI BENGKEL PENULISAN CV *ANOTHER GROUP ATTENDS CV WRITING WORKSHOP*

Pada minggu ini, satu lagi kumpulan rakan sekeja, telah menghadiri bengkel penulisan CV dan temuduga di Kolej Cosmopolitan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam menyediakan CV yang baik. Bengkel selama dua hari pada 18hb dan 19hb Mac itu dikendalikan oleh pensyarah-pensyarah kolej tersebut.

*Another group of associates this week attend the CV writing and interviewing workshop at Cosmopolitan College aimed at enhancing their knowledge and skills in preparing good CVs. The two-day workshop on 18th and 19th of March was conducted by the college lecturers.*

